

Headline	Ranking UUM melonjak		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	07 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	41	ArticleSize	139 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 974	PR Value	RM 2,922



# Ranking UUM melonjak

**SINTOK** - Ranking Universiti Utara Malaysia (UUM) terus melonjak apabila disenaraikan pada kedudukan 201 hingga 250 dunia dalam Times Higher Education (THE) BRICS and Emerging Economies University Rankings 2017.

Menurut kaji selidik yang baharu dikeluarkan, UUM tersenarai pada kedudukan 201 hingga 250 dunia dalam penilaian yang melibatkan 300 universiti dari 50 negara membangun termasuk Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan.

Editor THE World University Rankings, Phil Baty dalam satu kenyataan berkata, tujuh universiti di Malaysia telah disenaraikan dalam ranking berprestij itu.

“Hanya institusi yang ter-



**MOHAMED MUSTAFA**

baik sahaja disenaraikan dalam BRICS & Emerging Economies University Rankings 2017, kami mengucapkan tahniah kepada semua universiti yang berjaya disenaraikan dalam kedudukan 300 teratas tahun ini,” ujarnya.

Selain UUM, universiti lain

yang membuat kemunculan pertama adalah Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di kedudukan 251-300.

UTP bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya tersenarai dalam kedudukan 100 teratas, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) di kedudukan 114 dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kedudukan 136.

Naib Canselor, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pencapaian itu adalah di luar dugaan dan amat membanggakan seluruh warga UUM.

“Diharap semua warga UUM terus bekerja keras untuk mencapai kejayaan lain,” katanya.